

Koleksi perpustakaan perlu berkualiti

KOMITMEN tegas dan bersemangat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Menteri Pelajaran untuk membudayakan membaca di kalangan masyarakat sememangnya terserlah semasa pelancaran Kempen Membaca Kebangsaan 2006 baru-baru ini. Beberapa perkara yang ditimbulkan pada majlis tersebut sememangnya menarik perhatian dan perlu difikirkan bersama. Ini termasuklah kajian semula Dasar Buku Negara (DBN) 1985 dan penemuan kajian profil membaca masyarakat Malaysia.

Kedua-dua perkara ini mempunyai implikasi secara langsung dengan usaha membudayakan membaca dan mengejar ilmu di kalangan masyarakat. Dasar Buku Negara diluluskan pada tahun 1985 iaitu lebih 20 tahun dahulu dan memang wajar digantikan dengan yang baru.

Penggunaan atau aplikasi teknologi maklumat dalam usaha memajukan segala aspek industri buku merupakan pendekatan yang penting. Amat penting dasar ini memberi hala tuju dan garis panduan bagi penggunaan teknologi dengan cekap dan optimum untuk menghasilkan buku-buku tempatan berkualiti serta melatih anggota yang mahir dan inovatif dalam bidang pembukuan.

Penemuan kajian profil membaca masyarakat Malaysia yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan

kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2005 telah dimaklumkan sedikit sebanyak oleh Datuk Seri Dr. Rais Yatim pada majlis tersebut.

Bagaimanapun laporan rasmi penemuan kajian belum diterbitkan untuk tatapan umum. Jumlah sampel yang digunakan untuk kajian ini tiga kali ganda lebih besar dari kajian tahun 1996 dan lebih meluas serta menyeluruh.

Peringkat umur yang terangkum dalam kajian ini lebih rendah iaitu lima tahun ke atas (termasuk yang belum bersekolah) berbanding dengan 10 tahun ke atas pada tahun 1996. Penggunaan komputer untuk mendapat maklumat juga merupakan komponen penting kajian 2005. Semua faktor ini mempengaruhi penemuan kajian seperti ini. Data yang lebih lengkap akan membolehkan analisis yang menyeluruh.

Dalam temu ramah dengan sebuah akhbar tempatan bahasa Inggeris, Rais menekankan pentingnya penyediaan bahan bacaan berkualiti dalam usaha menggalakkan pembacaan.

Ini hakikat yang tidak dapat dinafikan. Bahan bacaan yang berkualiti perlu tersedia di rumah, sekolah dan komuniti untuk menyokong serta menampung minat dan selera membaca. Kualiti koleksi perpustakaan awam terutamanya penting disebabkan sebahagian besar orang ramai tidak mampu membeli buku yang masih dianggap mahal

dan bergantung kepada perpustakaan untuk menyediakan perkhidmatan ini.

Setiap perpustakaan perlu ada dasar pemilihan dan perolehan bahan bacaan yang kemas kini sebagai panduan pembinaan koleksi yang mantap dan sesuai dengan citarasa komuniti atau golongan sasaran.

Saya dapat bayangkan pustakawan yang memainkan peranan penting dalam kempen membaca yang dilancarkan baru-baru ini mungkin terguris dengan persepsi negatif daripada pemimpin dan pejuang utama budaya membaca.

Namun komuniti pustakawan dan pihak berwajib perlu memfokus kepada isu sebenar iaitu sama ada koleksi perpustakaan benar-benar mampu menyokong usaha menggalakkan membaca di kalangan masyarakat. Kajian serius perlu dijalankan tentang kedudukan perkara ini, terutama di luar bandar untuk mendapatkan kepastian punca sebarang kekurangan termasuk sama ada pustakawan tidak membaca atau ada bukti kukuh bahawa terdapat punca lain yang boleh dan patut ditangani segera.

Sebenarnya, hampir semua tugas yang dijalankan oleh pustakawan memerlukan mereka membaca, misalnya memilih bahan, mengkatalog dan mengindeks buku dan bahan perpustakaan, menyediakan bibliografi, mengendalikan aktiviti perpustakaan untuk remaja dan kanak-kanak, mengendalikan perkhidmatan rujukan dan maklumat

serta mengendalikan program latihan.

Di samping itu, pustakawan perlu membaca untuk memahirkkan diri dalam bidang pengkhususan mereka seperti galakkan membaca, pemuliharaan, Pembangunan dan pembinaan perpustakaan, penggunaan teknologi maklumat dan pengurusan kewangan.

Kebanyakan perpustakaan sekolah dan perpustakaan khusus di agensi kerajaan juga terangkum sebagai mempunyai koleksi yang menyedihkan. Punca utama termasuk keutamaan rendah kepada perpustakaan, ketiadaan peruntukan atau peruntukan yang tidak mencukupi untuk membina koleksi asas yang mantap serta menampung pertambahan buku-buku baru yang diperlukan. Ini merupakan fenomena dan kekeangan utama di sekolah dan sesetengah kementerian serta jabatan kerajaan. Perpustakaan yang diberi anugerah perpustakaan cemerlang bagi pelbagai kategori semasa majlis pelancaran Kempen Membaca patut dijadikan penanda aras bagi kualiti koleksi perpustakaan yang diingini dan jumlah peruntukan yang diperlukan untuk mencapai tahap ini.

DATUK ZAWIYAH BABA
ialah bekas Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara.